

Bil. 19

Isnin

15 Oktober 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Pembinaan Hab Halal Mini di Kawasan
Parlimen Parit Sulong**
- *YB. Dato' Dr. Noraini Ahmad (Parit Sulong)* [Halaman 1]
- ***Gengsterisme***
- *YB. Dato' Seri Dr. Santhara (Segamat)* [Halaman 3]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 15 Oktober 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

2.34 ptg.

Isu Pembinaan Hab Halal Mini di Kawasan Parlimen Parit Sulong

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada satu isu mengenai pembinaan hab halal mini di kawasan Parlimen Parit Sulong yang telah diusahakan pembinaannya sejak tahun 2015. Tujuan pembinaan hab halal mini ini adalah bagi mewujudkan sebuah pusat perkhidmatan usahawan IKS bumiputera yang mempunyai akreditasi halal, memastikan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) dapat beroperasi di satu tempat yang teratur dan mempunyai kemudahan infrastruktur sempurna untuk pembangunan industri halal serta memberi peluang kepada usahawan IKS bumiputera yang tidak mampu membayar kadar sewa yang tinggi ditempatkan di Mini Halal Hab ini. Cadangan pembangunannya adalah di KM14, Jalan Simpang Lima, Batu Pahat, yang dianggarkan kos pembinaannya adalah sebanyak RM16.4 juta.

Pembinaan hab halal mini di atas sebidang tanah seluas 10 ekar ini adalah dengan melibatkan kerjasama secara NBOS beberapa pihak seperti Halal *Development Corporation* (HDC), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Unit Pembangunan Usahawan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan seperti yang telah dipersetujui menerusi sesi perbincangan bersama pihak berkenaan sebanyak sembilan unit kilang IKS dan satu unit pejabat pengurusan yang mengikut spesifikasi Halal, GMP dan HACCP telah dicadangkan

bagi pembinaan hab halal mini ini. Untuk makluman, projek ini juga telah dimasukkan ke dalam senarai projek pembangunan di Daerah Batu Pahat untuk dilaksanakan.

Permohonan pembinaan projek ini telah pun dihantar ke Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada 29 April 2015 dan setelah beberapa sesi perbincangan dan '*presentation session*', dengan izin, dilakukan mengenai projek ini, pihak EPU telah mempertimbangkan serta meluluskan sejumlah peruntukan dan MARA dinamakan sebagai pelaksana bagi projek yang menjadi sebahagian dari '*people economy project*' di dalam kawasan Parlimen Parit Sulong. Namun begitu, sehingga hari ini projek ini masih belum dilaksanakan. Jadinya, saya ingin mendapatkan penjelasan dari kementerian, apakah status semasa mengenai pembinaan projek hab halal mini ini memandangkan peruntukan asalnya telah pun diluluskan oleh pihak EPU.

Soalan saya yang kedua pula adalah bilakah pembinaan projek berkepentingan rakyat ini dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana ianya mempunyai potensi yang sangat besar untuk membantu usahawan IKS tempatan bagi menjana pendapatan serta mengembangkan perniagaan mereka sehingga ke pasaran luar. Sekian, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembinaan Mini Halal Hub Parit Sulong, Johor telah diluluskan peruntukan sebanyak RM16.4 juta pada Oktober tahun 2015 dan projek ini diletakkan di bawah seliaan pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA). Semasa permohonan projek dikemukakan, EPU, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dimaklumkan bahawa tanah telah tersedia untuk pelaksanaan projek.

Walau bagaimanapun, projek ini mengalami kelewatan untuk dilaksanakan disebabkan isu penukaran syarat tanah. Pada asalnya, tanah yang dikenal pasti adalah merupakan tanah di bawah *zoning* pendidikan. Pihak MARA telah mengemukakan permohonan penukaran syarat tanah tapak projek daripada 'pendidikan' kepada 'industri IKS' pada November 2015 dan kelulusan hanya diperolehi pada Jun 2017. Selain itu, permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan juga mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan di mana kelulusan dari pihak Majlis Perbandaran Batu Pahat hanya diperolehi pada Ogos 2017.

Namun, pihak MARA telah mengemukakan semula permohonan pengecualian syarat kepada pihak Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat bersama Perjanjian (di antara MARA dan Kerajaan Negeri Johor) kerana terdapat syarat dari Pejabat Tanah Daerah Batu Pahat yang

tidak dipersetujui oleh pihak MARA. Perjanjian ini hanya selesai ditandatangani oleh kedua-dua pihak pada April 2018.

Pada masa yang sama, pihak MARA mendapati bahawa peruntukan yang diluluskan adalah tidak mencukupi untuk membina 20 Lot Kilang Mini Halal Hub yang berkeluasan 1,950 kaki persegi sebagaimana cadangan awal oleh pihak Yang Berhormat Parit Sulong. Justeru, perbincangan antara MARA dengan Yang Berhormat sendiri telah diadakan pada Disember 2017. Sehubungan itu, pihak MARA mencadangkan supaya skop projek ini dikecilkan kepada sembilan unit kilang IKS dan sebuah unit pejabat pengurusan.

Selain itu, walaupun pada mulanya projek ini dirancang untuk dilaksanakan secara tender terhad, namun perancangan ini terpaksa dibatalkan berikutan surat edaran Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bertarikh 29 Jun 2018 yang mengarahkan supaya semua perolehan melalui tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus yang belum dikeluarkan surat setuju terima (SST) hendaklah dibatalkan dan ditender semula secara tender terbuka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status setakat ini ialah tender semula secara tender terbuka telah dikeluarkan pada 5 hingga 26 September 2018 dan MARA telah selesai membuat analisa tender pada 10 Oktober 2018. Seterusnya, SST dijangka dikeluarkan pada 13 Oktober 2018 dan projek ini dijangka siap keseluruhannya pada 12 April 2020 di mana projek ini akan mengambil masa 18 bulan untuk disiapkan. Sekian, terima kasih.

■1440

Gengsterisme

2.40 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tuan Yang di-Pertua, isu gengsterisme sering kali dikaitkan dengan kaum India di negara ini dan ini sedikit sebanyak memberi persepsi negatif terhadap kaum India, terutamanya golongan belia dan mengakibatkan mereka dipandang serong oleh masyarakat.

Pihak kementerian diminta untuk menjawab persoalan isu gengsterisme dengan lebih terperinci kerana ianya dapat membantu untuk memberikan gambaran yang tepat mengenai isu tersebut. Maklumat ini dapat kita gunakan untuk membantu masyarakat India yang kelihatan semakin dipinggirkan berikutan persepsi negatif berkaitan isu gengsterisme ini.

Pihak kementerian diminta untuk memberikan statistik yang tepat dari beberapa pecahan kategori. Pertama sekali perbandingan antara negeri, kawasan penduduk

mengikut negeri, di antara bandar dan luar bandar; statistik mengikut umur, jantina dan juga mengikut taraf pendidikan. Statistik ini akan dapat membantu kerajaan untuk mengenal pasti kumpulan fokus untuk masalah ini, untuk memudahkan kerajaan untuk mencari penyelesaian yang efektif. Belia-belia India yang terlibat dalam aktiviti gengsterisme sebenarnya mempunyai potensi untuk berjaya dalam hidup, namun ramai antara mereka melihat aktiviti gengsterisme ini sebagai satu-satunya cara untuk menyara hidup kerana menganggap masa depan mereka sudah gelap dan amat sukar untuk kembali ke jalan yang benar.

Kementerian harus menjelaskan apakah hukuman yang diberikan kepada belia-belia yang terlibat dalam gengsterisme. Sejumlah besar di antara mereka berumur kurang daripada 30 tahun, serta kos untuk mendidik belia-belia yang bermasalah ini untuk kembali menjadi ahli masyarakat yang berguna.

Mengapakah kementerian tidak mengambil langkah yang lebih holistik untuk membantu, mendidik, memberi peluang pekerjaan dan motivasi, latihan, kursus dan sebagainya untuk mengurangkan masalah gengsterisme ini dan menjamin masa depan mereka. Apakah kerajaan telah mengambil langkah-langkah sebegini. Berapa banyak kah peruntukan yang disediakan untuk membantu memulihkan belia-belia yang terpesong ini. Agensi kerajaan yang manakah dipertanggungjawabkan untuk inisiatif ini? Adakah satu jawatankuasa dalam pemantau KDN akan ditubuhkan yang melibatkan semua Yang Berhormat India seperti yang tertera dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan (Iltizam Khusus Untuk Masyarakat India) dalam muka surat 170:

“Untuk mengekang gejala penyalahgunaan dadah, alkohol dan kegiatan gengsterisme di kalangan anak-anak muda India, Kerajaan Pakatan Harapan akan memastikan dasar sosial kami adalah efektif dan inklusif. Ini akan memastikan anak-anak muda India tidak terpinggir daripada masyarakat sehingga mereka terjerumus dalam gengsterisme dan masalah sosial lain”.

Seringkali juga perbuatan kongsi gelap dan gengsterisme berkait rapat dengan kadar kemiskinan dan kekurangan peluang pekerjaan. Apakah kementerian akan mencari satu jalan penyelesaian yang menyeluruh untuk menangani masalah ini. Sekian, terima kasih.

2.44 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di Pertua. Kegiatan kongsi gelap atau *gengsterisme* sering melakukan jenayah yang berunsurkan kekerasan seperti kes bunuh, cubaan membunuh, samun, mendatangkan

kecederaan, jenayah peras ugut dan juga sindiket pengedaran dadah. Kegiatan kongsi gelap ini juga boleh mengganggu gugat ketenteraman awam dan menimbulkan '*fear of crime*', dengan izin, di kalangan masyarakat setempat.

Kegiatan kongsi gelap atau gengsterisme bukan hanya melibatkan kaum India tetapi merangkumi semua kaum dalam negara. KDN telah mengenal pasti sebanyak 72 pertubuhan atau kumpulan yang mempunyai elemen-elemen kongsi gelap di seluruh negara melibatkan pelbagai etnik dan bangsa. Pertubuhan atau kumpulan ini telah diwartakan sebagai pertubuhan atau kumpulan yang tidak sah di sisi undang-undang.

Berbalik kepada penglibatan kaum India dalam kongsi gelap, hasil daripada maklumat risikan yang diperolehi, kebanyakan remaja India yang terlibat dalam kegiatan kongsi gelap adalah di kalangan mereka yang tinggal di kawasan perumahan atau rumah pangsa kos rendah dalam bandar. Dakwaan yang mengaitkan penglibatan mereka dalam aktiviti gengsterisme ini sebagai satu-satunya cara untuk menyara hidup kerana menganggap masa depan mereka sudah gelap dan amat sukar untuk kembali ke jalan yang benar tidak dapat dibuktikan kebenarannya.

Daripada risikan yang diperolehi juga, penglibatan mereka dalam aktiviti gengsterisme bukan faktor utama mencari sumber untuk kelangsungan hidup tetapi terdapat pelbagai faktor lain yang menyebabkan mereka menyertai kumpulan kongsi gelap, antaranya seperti berikut:

- (i) untuk mendapatkan pendapatan secara mudah tanpa perlu berusaha keras dan melalui pelbagai masalah seperti bekerja dalam sektor yang lain atau bekerja sendiri;
- (ii) ingin dilihat sebagai seorang yang berkuasa dan digeruni oleh masyarakat hasil daripada pengaruh filem yang banyak ditayangkan di pasaran yang menonjolkan babak-babak ganas dan ingin mencuba atau meniru watak yang mereka tonton;
- (iii) dipengaruhi oleh rakan-rakan atau ada juga yang terjebak kerana telah dipaksa oleh rakan-rakan untuk menyertai kumpulan tertentu, memandangkan teori dalam kongsi gelap itu beranggapan bahawa lebih ramai ahli yang menganggotainya, maka akan lebih berkuasa kumpulan itu;
- (iv) mereka yang terlibat dalam kongsi gelap ini beranggapan kononnya keselamatan diri dan keluarga akan lebih terjamin dari ancaman oleh penjenayah-penjenayah.

Statistik tangkapan ahli kongsi gelap berketurunan India sepanjang tahun 2016 dan tahun 2017 adalah seramai 2009 orang. Jumlah tangkapan yang paling ramai adalah di Selangor. Untuk statistik yang lebih lengkap daripada umur, jantina dan negeri, kita akan berikan secara bertulis kerana kalau hendak disebutkan di sini, agak panjang. Sementara itu bagi pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka adalah bergantung kepada jenis kesalahan yang mereka lakukan antaranya di bawah Kanun Keseksaan, Akta Pertubuhan 1966, SOSMA dan Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA). Jumlah kaum India yang dikenakan POCA bagi tahun 2016 adalah seramai 121 orang dan tahun 2017 seramai 67 orang dan yang ditahan di bawah SOSMA seramai 10 orang bagi tahun 2016 dan 215 orang pada tahun 2017.

Polis Diraja Malaysia (PDRM) hanyalah agensi penguat kuasa dan tidak berperanan secara langsung untuk memberikan peluang pekerjaan, latihan, kursus dan motivasi dalam mengurangkan masalah gengsterisme dan menjamin masa depan mereka. PDRM hanya membuat kempen dan ceramah kepada kumpulan sasar untuk memberikan kesedaran agar mereka tidak terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat ini.

Kementerian mempunyai agensi kerajaan yang lain di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perpaduan dan Kesejahteraan Sosial dan Kementerian Tenaga Manusia mempunyai hala tuju masing-masing dalam menangani masalah sosial di kalangan remaja dalam negara ini. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 16 Oktober 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.48 petang]